

أوقاف

الهيئة العامة للأوقاف
GENERAL AUTHORITY FOR WAQFs




مركز توعية ضيوف الرحمن
Pilgrims Awareness Center



Panduan Haji

EDISI JEMAAH HAJI MALAYSIA

**Selamat memulakan perjalanan
terpenting dalam hidup anda!**



Panduan Haji

Edisi Jemaah Haji Malaysia

Sebelum Ketibaan	10
Setibanya di Arab Saudi	28
Pengangkutan dan Pemindahan dalam Haji	38
Penginapan	50
Ibadah Haji	66
Ziarah dan Lawatan ke Tapak Bersejarah	98
Persiapan Pulang dan Penutup	108


Setelah bertahun merancang dan menabung di Tabung Haji mengimpikan hari di mana anda berpeluang menyucikan diri dan jiwa di Tanah Suci.

Tahniah, kini tiba giliran anda menerima jemputan agung dari-Nya. Tahniah.

Adakah anda mengetahui makna menjadi seorang “duyuf al-Rahman”?

Hal ini bermakna bahawa anda akan menempuhi perjalanan keimanan terhadap Allah yang merupakan rukun Islam kelima. Oleh itu, berusaha untuk meraih haji yang mabrur dan keampunan bagi segenap dosa.

Ingatlah sabda Nabi SAW, “Jika sesiapa mengerjakan haji tanpa melakukan dosa lisan mahupun dosa perbuatan, maka dia akan pulang (tanpa dosa) sama seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya.”



Perisian ini bakal menjadi teman setia anda untuk menggapai haji yang mabrur. Ia berikan anda panduan pelaksanaan haji termasuklah manasik yang berkaitan dengan selamat, teratur, aman, dan tenteram.

Kami di Arab Saudi berbesar hati untuk berkhidmat kepada para duyuq al-Rahman sekalian dan kami akan mengusahakan yang terbaik demi keselesaan dan keselamatan anda.

Ingatlah bahawa haji yang mabrur merupakan tuaian bagi usaha dan kesungguhan anda. Persediaan yang lengkap, patuh kepada peraturan, dan kerjasama yang jitu boleh menyumbang kepada haji yang mabrur, insya-Allah.

Berkurun dahulu, para pedagang Muslim tiba di Tanah Melayu dengan membawa ajaran Islam. Di Kota Melaka itulah mereka menanam benih Islam yang kini tumbuh segar sebagai negara yang menjunjung tinggi agama Islam dan hati yang sering mendambakan Kaabah.

Pada tahun 1950, Profesor DiRaja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, pakar ekonomi Malaysia melaksanakan sebuah projek untuk membantu jemaah Haji Malaysia dan menawarkan kaedah inovatif untuk menunaikan rukun Islam yang kelima tersebut.



Beliau menubuhkan Tabung Haji yang sehingga kini menjadi sahabat setia Muslim di Malaysia yang mengimpikan untuk menunaikan ibadah Haji. Menemani mereka semenjak hari pertama menabung sehinggalah berdirinya mereka di Gunung Arafah. Saksi kepada sebuah perjalanan kesabaran, keimanan dan perancangan panjang menuju tempat paling suci di muka bumi ini.

Perjalanan anda hari ini adalah hasil dari usaha yang diberkati. Sebuah usaha yang bermula daripada perdagangan dan keimanan, bersambung kepada simpanan dan kesungguhan dan kini disempurnakan dengan melangkahnya kaki anda menuju ke Kaabah.



Bab 1

TIADA HAJI TANPA VISA HAJI

Mengapakah anda perlu mengesahkan jenis visa anda?

Kegembiraan anda kian sempurna setelah jenis visa anda disahkan benar. **Sila elakkan memperoleh visa daripada saluran tidak rasmi.**

Jika sekalipun visa yang diperolehi membolehkan anda memasuki Arab Saudi, ia tidak semestinya membenarkan anda menunaikan haji secara sah di sisi undang-undang.

Jika hal ini berlaku, anda berisiko untuk dikenakan saman dan sekatan tertentu.

Mohon visa anda daripada saluran rasmi sahaja.

Apakah saluran rasmi untuk mendaftar visa?

Tabung Haji Malaysia

Apakah jenis visa yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi?

APAKAH JENIS VISA YANG MEMBENARKAN IBADAH HAJI?

✓ Visa Haji.

Visa haji yang kebiasaannya diproses oleh Lembaga Tabung Haji adalah satu-satunya visa yang membolehkan anda menunaikan ibadah haji.

Visa lain yang sememangnya tidak membenarkan pemegangnya menunaikan haji:

Visa lawatan persendirian

Visa lawatan keluarga

Visa umrah

Visa transit



Bagi penduduk tetap di Arab Saudi: Tiada Haji Tanpa Permit. Jika anda layak untuk menunaikan haji (selaku penduduk tetap), anda boleh mendapatkan permit melalui aplikasi Nusuk setelah membuat pembelian pakej yang sesuai.

Sila berhati-hati ketika berurusan dengan agensi Haji yang tidak berdaftar atau diperakuiص oleh Kerajaan Malaysia atau Arab Saudi.

Agensi-agensi ini berkemungkinan akan mendedahkan para jemaah haji kepada pelbagai masalah seperti organisasi yang tidak teratur, kegagalan menyampaikan servis yang optimum dan kegagalan mendapatkan Visa Haji.



Bagaimanakah Cara Untuk Mengesahkan Visa Anda?

- 1** Imbas kod
- 2** Masukkan nombor pasport dan visa
- 3** Semak status visa anda.



Visa anda sah?

Daftar aplikasi **Nusuk** sekarang dan sentiasa ingat bahawa anda tetamu Allah.


Kepatuhan kepada peraturan menjamin pengalaman yang terbaik buat setiap orang. Manakala ingkar terhadap peraturan bakal memberikan pengalaman pahit kepada anda dan orang sekeliling. Jadilah tetamu Allah yang tulus dan patuhilah segala arahan.

**Dokumen anda tepat...
semoga perjalanan anda
dipermudahkan.**



Aplikasi Nusuk:

Menyediakan pengalaman digital yang bersepadu;
Menyusun jadual perjalanan anda dengan teliti;
Memudahkan perancangan anda untuk menziarahi
Raudah Nabi SAW; Memudahkan perancangan anda
untuk mengerjakan umrah.



Kad Nusuk:

Laluan sah anda untuk menyelami pelbagai perkhidmatan bersepadu.



Kad Identiti Rasmi:

Kad Nusuk sangat penting, iaitu tempat kedua selepas visa. Pastikan ia ada bersama-sama anda pada setiap masa. Anda boleh menggunakan kad ini versi digital melalui aplikasi Nusuk sebagai pemudah cara untuk masuk ke mana-mana tempat dan mendapatkan apa-apa perkhidmatan.

Kad Nusuk versi digital merupakan alternatif sementara sekiranya kad fizikal hilang.



Bagaimanakah Cara Untuk Mengaktifkan Kad Nusuk Versi Digital?

- › Imbas kod ini,
- › atau tekan pautan ini,
- › kemudian ikuti arahan berikutnya.



Kad Nusuk versi digital boleh didapatkan daripada aplikasi Nusuk selepas pembekal perkhidmatan mengaktifkan Kad Nusuk yang dicetak.

Kad Nusuk fizikal ini diagihkan oleh pembekal perkhidmatan selepas ketibaan anda.

Jika anda tidak menerima kad fizikal ini, hubungi 1966 dan dapatkan bantuan.

Platform Kewaspadaan

Haji yang mabrur tidak ada ganjarannya melainkan syurga. Kesungguhan anda mempelajari cara mengerjakan haji sebelum perjalanan dapat membantu anda mengejar haji yang mabrur. Oleh itu, kami menyediakan untuk anda suatu rujukan pantas yang boleh dipercayai sesuai dengan bahasa anda, iaitu tawaran untuk pengalaman belajar secara interaktif.

Apakah kepentingan Platform Kewaspadaan ini?

Platform Kewaspadaan menawarkan

4 jalur pembelajaran, **12** perjalanan ilmu,

+580 minit, **8** bahasa



Anda boleh memuat turunnya dalam telefon bimbit anda untuk mengaksesnya pada bila-bila masa walaupun tanpa bekalan internet.



Panduan Platform Kewaspadaan

Pusat Platform Kewaspadaan Duyuf al-Rahman telah menyediakan beberapa maklumat berkaitan agama, perkhidmatan, kesihatan, undang-undang, kewangan, dan pelbagai bidang lain agar anda menerima maklumat yang sahih daripada badan-badan rasmi.

Bagaimanakah cara untuk mendapatkan panduan ini?

Lawat halaman Panduan Platform Kewaspadaan di laman web rasmi Kementerian Haji dan Umrah. Panduan ini boleh didapati dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk bacaan atau audio dalam beberapa bahasa.




Cuaca di Makkah pada tahun ini agak panas.

Suhu pada siang hari boleh mencecah sehingga **+45** darjah berdasarkan rekod tahun-tahun lalu.

Dalam panduan ini, di halaman 79, kami menyediakan beberapa langkah penting untuk menghadapi strok haba.




Bawa sekali:



Jangan bergantung hanya pada satu set kain ihram kerana anda mungkin perlu tukar sekali atau dua pada hari-hari menunaikan haji nanti.



Pakaian kain kapas ringan yang mencukupi.




Beg bersaiz sederhana untuk membawa dokumen rasmi, kad, dan duit (ketika memasuki Masjidilharam dan Masjid Nabawi).

Beg bersaiz besar tidak dibenarkan memasuki Masjidilharam dan Masjid Nabawi.





Selipar atau sandal ringan yang sesuai untuk berjalan kaki bagi jarak yang jauh.



Barangan kebersihan sendiri (pelembab kulit / penyegar badan, dll.).

Laporan kesihatan yang disediakan oleh doktor dan dokumen preskripsi untuk ubat khusus yang anda perlukan.



Nasihat:

Pastikan beg anda mudah dibezakan supaya anda mudah mengecamnya. Letak label yang jelas berserta maklumat anda (Nama - Nombor Telefon - Tempat Menginap).

Barangan yang tidak boleh dibawa:



Cerek elektrik.



Makanan yang berbau kuat seperti keropok atau cepat basi.



Sila beringat untuk tidak merokok ketika menunaikan haji.



Objek tajam (pisau - gunting - jarum).

Ubat-ubatan yang kebiasaannya tidak diperlukan.



Jangan khuatir, Kerajaan Arab Saudi menyediakan perkhidmatan perubatan 24 jam secara percuma buat jemaah haji berdaftar di mana-mana sahaja mereka berada.

Sediakan beg yang ringan demi perjalanan yang lancar.



Pengisytiharan Kastam dan Undang-undang Dalam Negeri di Arab Saudi.

Kerajaan Arab Saudi menyelia kedatangan para jemaah haji dengan sistem yang efisien dan teliti, disekalikan juga dengan gabungan sambutan yang meriah dan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang yang ketat.

Melanggar undang-undang tersebut mungkin akan menghalang anda daripada menyempurnakan ibadah haji selain turut merugikan kewangan anda.

Wahai jemaah haji sekalian:

Pengisytiharan Kastam Berkaitan Barangan Bernilai Tinggi.


Anda memiliki barangan bernilai tinggi? Kami menasihatkan anda untuk tidak membawanya melainkan ia benar-benar perlu.



Ketahui bahawa anda perlu mengisytiharkan apa-apa barangan yang boleh didagangkan apabila nilainya melebihi 60,000 Riyal Saudi (lebih kurang \$16,000 USD).

Ubat-ubatan dan Larangan Kastam

Bawa ubat-ubatan penting anda berserta preskripsi perubatan yang menjelaskan keadaan kesihatan anda.



Awas:

Kerajaan Arab Saudi sangat tegas terhadap ubat-ubatan terlarang dan tidak bertolak ansur sama sekali terhadap dadah narkotik, sehingga akan mengenakan hukuman paling berat terhadap penyeludup.

Maklumat lanjut berkaitan larangan kastam: anda boleh menyemak senarai barangan larangan yang disediakan oleh pihak berkuasa Arab Saudi.



Senarai semak perjalanan:

- Pastikan visa anda visa haji yang rasmi.
- Muat turun aplikasi Nusuk.
- Pastikan anda sudah menempah masa lawatan untuk menziarahi Rawdah Nabi SAW melalui aplikasi Nusuk.
- Semak senarai perkara yang boleh dikenakan saman atau hukuman.
- Aktifkan Kad Nusuk versi digital.
- Sahkan setiap barangan yang perlu anda bawa seperti laporan kesihatan dan ubat-ubatan khusus.
- Pastikan anda tidak membawa apa-apa barangan terlarang sebelum memasuki Arab Saudi.
- Kemas beg anda dengan bijak.
- Adakah anda membawa barangan bernilai yang nilainya melebihi 60,000 Riyal Saudi?
- Pastikan barangan peribadi anda sesuai dengan cuaca panas di Makkah dan Madinah.

Adakah anda merindui Makkah Al-Mukarramah dan ingin menziarahi Nabi Muhammad (SAW)?

Apabila anda tiba di Arab Saudi, ia bermakna anda semakin menghampiri Masjidilharam dan Masjid Nabawi.

Kami mengalu-alukan kedatangan anda dengan tangan yang terbuka, menerusi prosedur yang ditetapkan buat para tetamu Allah.



Ingatlah sabda Nabi SAW, “Jika sesiapa mengerjakan haji tanpa melakukan dosa lisan mahupun dosa perbuatan, maka dia akan pulang (tanpa dosa) sama seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya.”

Adakah anda jemaah Haji Inisiatif Lualan Makkah? Apakah manfaat yang akan anda perolehi?

Di Lapangan Terbang Kuala Lumpur, prosedur berikut akan dilaksanakan:

Pemeriksaan pasport dan visa.

Pendaftaran cap jari dan biometrik.

Cop pasport oleh pihak berkuasa Arab Saudi

Bagasi akan dihantar terus ke tempat penginapan di Makkah atau Madinah

Kad digital Nusuk akan diberi sebelum ketibaan.

Sebaik sahaja di Arab Saudi:

Anda akan masuk dengan mudah tanpa perlu menunggu ketika pengesahan pasport.

Bagasi anda akan dihantar ke tempat penginapan anda.

Adakah saya layak mendapatkan Inisiatif Laluan Makkah?

Sila tanya penyelia penerbangan atau pramugari dan pramugara yang bertugas.

Jika anda tidak mendapat Inisiatif tersebut, jangan risau, kami akan lengkapkan prosedur anda sebaik ketibaan.


Prosedur Masuk di Sempadan

Pastikan pasport anda berada di tangan atau poket beg tangan agar proses semakan dokumen dapat dipercepatkan.

Elakkan kesesakan dan tunggu dengan tenang untuk mengelakkan penat, keliru, dan kesesakan.

Jangan segan untuk meminta bantuan; kami menyediakan perkhidmatan percuma di setiap pintu masuk negara Arab Saudi untuk membantu sesiapa sahaja yang berkeperluan khas.

Jika pasport anda hilang ketika tiba, jangan panik. Segera maklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap anda atau pihak berkuasa lapangan terbang (Jawazat).



Nasihat:

Simpan satu salinan digital pasport anda di dalam telefon bimbit kerana ia akan memudahkan proses gantian sekiranya ia hilang.

Pengambilan Beg

Simpan maklumat tiket dan resit pengambilan beg anda untuk rujukan sekiranya diperlukan.

Jika beg hilang, segera laporkannya di pejabat urusan beg dan mereka akan memberikan bantuan sepenuhnya.

Dapatkan maklumat berkenaan lokasi pengambilan beg berdasarkan nombor penerbangan dan elakkan daripada mencarinya secara rawak.

Dapatkan alamat dan maklumat perhubungan syarikat yang mewakili anda sebelum ketibaan agar anda boleh menghubungi mereka sekiranya perlu.



Nusuk: Panduan Pertama Anda Setelah Tiba di Arab Saudi

Sistem “Nusuk” menyediakan panduan perkhidmatan bersepadu pada setiap masa di lapangan terbang dan sempadan untuk membantu para jemaah haji sebaik sahaja ketibaan mereka.

Selepas menyelesaikan prosedur berkaitan pasport, dapatkan panduan penggunaan “Nusuk” di lapangan terbang dan sempadan, kemudian ikuti arahan lanjut agar anda selamat tiba di destinasi anda.



Sebelum Meninggalkan Lapangan Terbang

Pastikan kenderaan anda, rancang dengan ketua kumpulan anda (Murshid Al-Hamla), dan ikuti arahan pihak atasan.

Pastikan anda kekal bersama-sama kumpulan anda.

Sekiranya anda kehilangan kumpulan anda atau tidak dapat mengesan kedudukan mereka, dapatkan bantuan daripada kakitangan Nusuk.



Kini anda sedar bahawa “beg kecil” yang anda sediakan dapat memudahkan banyak perkara.

Oleh itu, jika anda sedang membaca halaman ini ketika masih di tanah air anda, semak semula beg tersebut dan pastikan ia tidak mengganggu pergerakan anda.

Pastikan Sekarang Juga



Simpan nombor berikut:

Untuk perjalanan yang selamat dan meyakinkan, sistem perkhidmatan Guests of Al-Rahman menyediakan beberapa nombor percuma demi membantu anda.

1966 Pusat perkhidmatan
Guests of Al-Rahman

911 Kes kecemasan dan
keselamatan

999 Polis **997** Ambulans

996 Peronda lebuhraya

937 Pertanyaan
kesihatan

998 Pertahanan
awam

Bilik Operasi Haji Negara Malaysia:

Pusat perkhidmatan
Guests of Al-Rahman

Tabung Haji Call Center
(THCC):

+603-62071919

TH Travel & Services
Sdn. Bhd (THTS):

+6019-289 7624

(Hotline)

+603-2688 0000

Senarai Semak Ketibaan

- Tunggu di kawasan yang ditetapkan berdasarkan arahan ketua kumpulan.

- Kenal pasti laluan pejalan kaki apabila berjalan.

- Bertolak ansur dan hulurkan bantuan kepada warga emas ketika menaiki bas.

- Kekalkan perhubungan dengan ketua kumpulan untuk menyelesaikan pelbagai masalah.

- Berikan perhatian kepada jadual pergerakan kumpulan.

- Buang sampah di dalam tong sampah yang disediakan dan elakkan daripada berada di luar kawasan yang ditetapkan.

Hubungi 1966 untuk sebarang pertanyaan atau aduan.

Haji adalah Perpindahan

Perpindahan dari rumah dan tanah air anda, perpindahan antara kawasan manasik haji, perjalanan menuruti laluan Nabi SAW.

Kerajaan Arab Saudi menyediakan pelbagai pilihan demi mendapatkan kenderaan yang pantas dan selamat.



Bas Berkumpulan (Tafweej):



Jangan tolak-menolak atau membuat kesesakan.



Bantu golongan warga emas.

Tunggu di kawasan yang ditetapkan oleh ketua kumpulan.



Mematuhi waktu bergerak pengangkutan anda.

Kereta Api Mashaer

Turut menyediakan perkhidmatan yang dikhususkan hanya kepada jemaah haji.

Untuk maklumat lanjut, hubungi bahagian khidmat pelanggan syarikat ini.



Menghubungkan segenap kawasan manasik.

Waktu operasi kereta api ini dibuat selari dengan piawai jadual waktu kumpulan, maka anda perlu bertanyakan ketua kumpulan perihal jadual kumpulan anda.



Taksi dan aplikasi kenderaan awam

Elakkan kenderaan tidak berlesen.

Kenderaan berlesen menggunakan nombor plat berserta logo perkhidmatan taksi.



Berjalan kaki (Tips berkaitan)



Jangan duduk di dalam terowong atau di pinggir jalan.



Hanya berjalan di kawasan pejalan kaki.



Elakkan berjalan di laluan kereta atau di dalam kesesakan.



Berikan laluan kepada kenderaan kecemasan dan kenderaan penguatkuasa.

Sentiasa ingat:

Sentiasa menghubungi ketua kumpulan anda bagi melancarkan segala urusan dan mengurangkan apa-apa masalah.

Nusuk Care:

Panduan Terbaik Anda Sepanjang Perjalanan Haji

40

Pusat Perkhidmatan - Di Makkah, Madinah, dan kawasan manasik

140

Pondok - Perkhidmatan buat para Duyuf al-Rahman



نُسُوكِ عِنَايَةِ
Nusuk Care

Pusat Perkhidmatan Pelanggan Nusuk Care:

Panduan jika kehilangan barangan

Pertanyaan dan makluman

Pertolongan cemas dan kesedaran penjagaan kesihatan

Perkhidmatan istimewa untuk Orang Kurang Upaya

Penerimaan aduan dan laporan

Bantuan mencari barangan yang hilang

Bantuan penggunaan aplikasi Nusuk

Fail interaktif berhubung orang hilang

Panduan haji dan umrah

Pusat Perkhidmatan Pelanggan Nusuk Care menyediakan keperluan teknologi untuk membantu sepanjang perjalanan ibadah anda:


Peta interaktif untuk mengenal pasti lokasi

Kiosk layan diri

Peranti terjemahan segera

Peranti komunikasi tanpa wayar

8 Bahasa: (Arab - Inggeris - Perancis - Urdu - [Parsi]
- Bahasa Indonesia - Turkiye - Hausa - Mandarin)



Hubungi 1966 untuk perkhidmatan 24 jam.

Telefon Anda... Peranti Pintar Anda



Gunakan aplikasi navigasi seperti Google Maps.




Simpan lokasi penginapan anda dalam aplikasi atau simpan mesej alamat.



**Sebuah perjalanan dapat menyingkap watak seseorang...
dan anda tentunya berperwatakan mulia.**

Biarkan tingkah laku anda yang berbicara...
Ingatlah sabda Nabi (saw): “Demi Allah yang
jiwaku berada dalam kuasa-Nya, kalian tidak akan
masuk syurga sehingga kalian saling menyayangi.”



Senarai Semak Hak dan Kewajipan Penginapan

- Pastikan plak pengenalan di premis penginapan memiliki tahun lesen dan bilangan jemaah yang dibenarkan.

- Simpan pasport anda di tempat yang selamat dan bawa salinan elektronik untuk kecemasan.

- Pastikan maklumat penginapan dan nombor bilik anda mudah diakses semasa berada di luar.

- Kenal pasti pintu keluar kecemasan di penginapan anda.

- Patuhi keperluan kebersihan diri dan persekitaran.

- Simpan gambar kad “Nusuk” anda di telefon untuk kecemasan.

- Ketahui dan ikuti arahan petugas keselamatan sepanjang penginapan anda.

- Pilih tempat yang ingin anda lawati dengan teliti dan sahkan butirannya.

Di Manakan Anda Akan Tinggal Sepanjang Perjalanan Anda?

Pihak berkuasa yang berkaitan menyelia hotel, perumahan jemaah, dan tempat penginapan di Madinah, Makkah, dan kawasan manasik. Pasukan pemeriksaan tuntas berusaha demi menjaga tatatertib dan memudahkan penginapan anda dengan mudah dan selesa.





Kebersihan dan Keteraturan: Sifat-sifat Duyuf Al-Rahman

Kebersihan:

Jaga kebersihan bilik anda dan kawasan yang anda sentuh setiap hari.

Hormati privasi rakan sebilik anda.

Buang sampah dan sisa makanan di tempat yang ditetapkan.

Gunakan bilik mandi dan kemudahan awam dengan teratur dan sopan.

Pastikan pengudaraan bilik anda teratur dan gunakan kipas pengudaraan/ekzos untuk menghilangkan bau.

Elak berbaring di dalam atau di hadapan bilik air kerana ini akan mendedahkan anda kepada risiko kesihatan dan membahayakan jemaah Haji yang lain.



Keterangan:

Petugas keselamatan sentiasa prihatin terhadap keselamatan anda dan semua jemaah. Mematuhi arahan mereka sepanjang penginapan dapat mencegah anda daripada bahaya dan memastikan keselamatan anda, insya-Allah.

SILA BERIKAN KERJASAMA.

Hormati jadual tidur dan peraturan penggunaan kemudahan bersama.

Elakkan berkerumun dan bersesak-sesak di dalam atau di luar kawasan penginapan.



Jangan duduk di lorong atau menghalang pergerakan orang lain.



Utamakan warga emas dan mereka yang berkeperluan khusus.



Ketenangan dan Menghindari Gangguan:

Gunakan fon telinga ketika menggunakan telefon atau komputer.

Elakkan meninggikan suara atau bercakap ketika orang lain sedang berehat.

Redupkan lampu ketika orang lain sedang tidur.

Elakkan panggilan telefon yang kuat di dalam khemah.

Jangan gunakan barang orang lain tanpa izin, dan jangan menceroboh ruang bersama.

Ingatlah sabda Nabi (SAW):
“Jika sesiapa beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, janganlah dia menyakiti jirannya.”

Perkhidmatan yang Disediakan di Kawasan Penginapan

32

juta hidangan makanan dihidangkan pada musim lalu di Tanah Suci, rata-rata

18

hidangan makanan bagi setiap jemaah.


Makanan untuk jemaah dengan kadar **3** kali sehari bagi seorang jemaah antara tanggal **8-13** Zulhijah.

Makanan yang disediakan mencakupi pelbagai budaya dan kewarganegaraan, selain makanan khusus untuk jemaah yang menghadapi alergi makanan atau memerlukan diet tertentu.



Kawasan penginapan menyediakan makanan yang memenuhi keperluan kesihatan jemaah, dengan mematuhi piawai keselamatan makanan.

- ▶ Makanan dihidangkan mengikut jadual yang teratur untuk memastikan keselesaan jemaah.
- ▶ Air dan minuman berkhasiat disediakan untuk mencegah dehidrasi, terutamanya ketika cuaca panas.
- ▶ Elakkan pembaziran.
- ▶ Jangan mengambil hidangan makanan melebihi keperluan.
- ▶ Jangan bawa makanan ke khemah.






Penjagaan Kesihatan:

Sebahagian besar kawasan penginapan memiliki pusat rawatan kecil untuk pertolongan cemas.

Selain itu, kumpulan perubatan profesional beroperasi **24 jam**.



Jika berlaku kecemasan, hubungi **997** bagi perkhidmatan ambulans.

Elak tidur di perkarangan Masjidilharam, Masjid Nabawi dan kawasan beribadah. Ini akan mendedahkan anda kepada risiko strok haba, menyebabkan kesesakan dan mengganggu laluan jemaah Haji yang lain sekaligus membahayakan mereka.


Bimbingan Agama:

Kawasan penginapan menyediakan bahan dan siaran dalam pelbagai bahasa.

Selain itu, para pendakwah khusus (Du'at) yang fasih dalam pelbagai bahasa disediakan untuk menjawab pertanyaan para jemaah.



Dapatkan fatwa dalam pelbagai bahasa melalui nombor berikut: **8002451000**.



Melindungi Barang Berharga dan Dokumen Peribadi

Bukti Identiti:

Simpan pasport anda di tempat yang selamat di kawasan penginapan dan bawa kad “Nusuk” anda untuk bergerak ke mana-mana.

Simpan salinan elektronik dokumen anda di dalam telefon untuk kecemasan.



Pembayaran:

Jangan bawa wang tunai dalam jumlah besar; gunakan pembayaran elektronik demi keselamatan anda.

Anda boleh menggunakan kad bank untuk transaksi kewangan sepanjang penginapan anda, dan anda boleh menggunakan dompet digital Nusuk untuk membuat pembayaran.



Pintu Kecemasan:

Kenal pasti pintu keluar kecemasan di hotel atau khemah, dan pastikan anda mengetahui laluan keluar jika berlaku kecemasan.

Baca papan informasi yang menunjukkan pelan lantai dan bangunan di mana-mana pun anda berada.



Keselamatan Elektrik:

Elakkan penyalahgunaan peralatan elektrik, dan hindari penggunaan wayar atau soket elektrik secara berlebihan untuk mencegah kebakaran.

Jangan menggunakan cerek untuk menyediakan minuman di dalam khemah.

Jangan gunakan pengecas berkualiti rendah, dan jangan biarkan telefon anda dicas semasa tidur atau langsung di bawah pancaran matahari.



Kit Pertolongan Cemas


Bawa kit pertolongan cemas kecil yang mengandungi ubat-ubatan yang diperlukan, antiseptik, to-peng muka, dan pembalut untuk kecemasan.




Sila jaga kesihatan dan keselamatan anda.

Jangan melakukan sesuatu melebihi kemampuan diri.

Jika anda mengalami apa-apa gejala penyakit sila ke pusat kesihatan secepat yang mungkin.




 **Hubungi 937** untuk pertanyaan dan kolsultasi kesihatan dan **997**, jika anda mengalami masalah kesihatan.

Bagaimana Cara Mengelakkan Diri Tersesat di Tanah Suci dan Semasa Penginapan Anda di Makkah dan Madinah?

- ▶ Hubungi petugas rombongan anda, pihak berkuasa yang berkaitan, atau kunjungi pusat dan pos Nusuk Care untuk panduan jika anda menghadapi masalah.
- ▶ Ingat lokasi penginapan anda dengan baik; ambil foto lokasi hotel atau khemah dan simpan di dalam telefon anda.
- ▶ Bawa kad Nusuk dan sentiasa simpan gambar kad di dalam telefon anda.
- ▶ Tentukan tempat berkumpul dengan kumpulan anda; sepakatkan tempat tertentu untuk bertemu jika terpisah.
- ▶ Gunakan aplikasi peta dan navigasi seperti Google Maps untuk menentukan lokasi penginapan anda dan pulang dengan mudah.

Pihak berkuasa Haji tahun ini telah melaksanakan sistem panduan kod warna untuk lokasi kem mengikut sistem kod yang dilampirkan pada halaman 85.



Senarai Semak Hak dan Kewajipan Penginapan

- Pastikan plak pengenalan di premis penginapan memiliki tahun lesen dan bilangan jemaah yang dibenarkan.

- Pastikan maklumat penginapan dan nombor bilik mudah diakses semasa berada di luar.

- Patuhi keperluan kebersihan diri dan persekitaran.

- Ketahui dan ikuti arahan petugas keselamatan.

- Manfaatkan makanan yang disediakan dan elakkan pembaziran.

- Simpan pasport anda di tempat yang selamat dan bawa salinan elektronik untuk kecemasan.

- Kenal pasti pintu keluar kecemasan di kawasan penginapan anda.

- Simpan foto kad “Nusuk” anda di telefon untuk kecemasan.

Perlaksanaan Ibadah Haji (Nusuk)



Bab ini meliputi penerangan ringkas tentang cara-cara menunaikan ibadah Haji.

Sukacita kami mengingatkan supaya anda perlu merujuk ahli Mufti berkenaan Mazhab anda.



Rasulullah SAW bersabda:

“Apa-apa yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan kamu melakukannya, maka lakukanlah seberapa daya kamu. Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu telah binasa lantaran banyak persoalan dan banyak perselisihan mereka terhadap Nabi-nabi mereka.”



Rujuklah kepada mereka yang berpengetahuan dan jangan terlalu memaksa diri.

Sila ingat perkara berikut:

Digalakkan untuk berniat, contohnya **“Labbaik Allahuma hajjan”** bermaksud Aku sambut panggilan-Mu ya Allah untuk ber-haji.

Jangan menggunakan pewangi selepas berIhram, disarankan untuk memakainya sebelum berIhram.

Memakai pakaian Ihram yang sesuai, kain yang tidak berjahit untuk lelaki (izar dan rida) dan pakaian yang menutup aurat untuk wanita tanpa menutupi tapak tangan dan muka.



Waktu Ihram



Melakukan Niat Haji Bersyarat ketika Ihram.

“Sahaja aku mengerjakan haji dan berihram dengannya kerana Allah Taala dan sekiranya aku dihalang oleh pihak berkuasa, maka aku akan bertahallul.”



Tawaf Qudum (Tawaf ketibaan)

- ▶ Untuk jemaah Haji ifrad dan Qiran

- ▶ Tawaf mengelilingi Kaabah sebanyak 7 kali, bermula dan berakhir dari Hajarulaswad.

- ▶ Idtiba' (Mendedahkan bahu kanan) ketika tawaf untuk lelaki.

- ▶ Melakukan solat sunat dua rakaat selepas Tawaf.

- ▶ Elak mengganggu jemaah lain, menguatkan suara dan bertolak-tolak.



| Peringatan

Pastikan anda mengikuti dan mematuhi arahan ketika di Masjidilharam dan Masjid Nabawi tentang jalan pergerakan dan laluan masuk keluar.



Sila berhati-hati!

Jangan mula di tempat yang salah:

Tawaf perlu bermula dari tempat yang sejajar atau setentang dengan Hajarulasawad dan Kaabah mestilah berada di kiri anda.

Jangan melakukan Tawaf di dalam Hijir Ismail:

Tawaf mestilah mengelilingi Kaabah, elak dari memasuki kawasan Hijir.

Pastikan aurat ditutup sempurna ketika Tawaf:

Kain Ihram (Izar) hasruslah dipakai kemas dan selamat ketika Tawaf

Elak pergaulan di antara lelaki dan perempuan.

Masing-masing perlu menghormati privasi jemaah lain.



Jangan keluar selagi mana pusingan Tawaf sebanyak tujuh kali belum cukup disempurnakan.

Menyentuh penjuru Kaabah: Ia adalah Sunnah untuk menyentuh Hajarulaswad dan Rukun Yamani dan juga kawasan Multazam. Hanya lakukan sekiranya diberikan kesempatan tanpa bersesak.

Elakkan bersesak untuk mencium Hajarulaswad: Cukuplah sekadar beristilam (melambai tangan) ke arah Hajarulaswad untuk mengelak mudarat ke atas diri.

Mendedahkan diri dengan menanggalkan Rida: Para lelaki tidak boleh menanggalkan Rida dan hanya bergantung pada Izar untuk melindungi aurat.

Meninggikan suara ketika berdoa: Elak menguatkan suara dan mengganggu jemaah lain melakukan Tawaf. Lebih digalakkan jika suasana khusyuk dapat dikekalkan.

Saie di antara Safa dan Marwah

Sebaik sahaja selepas Tawaf

Bagaimana?

Berjalan berulang-alik sebanyak tujuh kali dari Bukit Safa dan Bukit Marwah.

Sunnah ketika Saie:

- ▶ Bertakbir (Allahu Akbar) dan berdoa.
- ▶ Untuk lelaki, berlari anak-anak ketika di kawasan lampu hijau.
- ▶ Anda juga boleh menggunakan kereta golf elektronik yang disediakan oleh pihak Tanah Haram untuk Tawaf dan Saie.
- ▶ Pembantu digital yang menyediakan doa secara visual dan audio juga boleh membantu para jemaah mengira jumlah pusingan.



Kesalahan ketika Saie di antara Safa dan Marwah



Salah mengira perjalanan:

Pengiraan sebenar, Safa ke Marwah dikira satu perjalanan, Marwah dan Safa ialah perjalanan baru.

Wanita berlari-lari anak:

Berlari-lari anak hanya untuk lelaki seperti yang disebut di dalam Sunnah

Berlari-lari anak sepanjang Saie:

Sunnah untuk lelaki melakukan itu hanya ketika di kawasan lampu hijau.



Hari Tarwiyah (8 Zulhijah)

Di pagi 8 Zulhijah

Bagaimana?

- ▶ Beriharam untuk Haji (Jemaah Haji Tamattuk, Jemaah Haji Ifrad dan Qiran kekal di dalam ihram)
- ▶ Bergerak ke Mina dan Mabit (bermalam) di sana untuk membuat persediaan Hari Arafah.
- ▶ Solat dilakukan secara Qasar tanpa menjamakkannya.
- ▶ Mematuhi aturan dan jadual kumpulan.
- ▶ Hubungi ketua kumpulan untuk mengetahui waktu tepat kumpulan anda.





Hari Arafah – Hari Mulia (9 Zulhijah)

Bermula dari pagi Subuh 9 Zulhijah sehingga Maghrib.

Bagaimana?

- ▶ Bergerak ke Padang Arafah.
- ▶ Berwuquf di Arafah sehingga matahari terbenam, sambil memperbanyakkan doa dan Takbir.
- ▶ Berdiri di tempat yang sesuai untuk anda tanpa bersesak kerana Arafah adalah tempat untuk berdiri.
- ▶ Laksanakan Zuhur dan Asar secara jamak pada waktu Zuhur.
- ▶ Fasa bergerak secara berkumpulan ke Muzdalifah bermula selepas Maghrib hingga malam berdasarkan jadual yang ditetapkan.
- ▶ Jaga dan simpan tenaga anda untuk beribadah sesungguhnya ketika Hari Arafah, carilah tempat yang redup atau berhawa dingin.



| Berhati-hati:

Jangan berdiri di luar kawasan Arafah:

Pastikan anda berdiri di kawasan Arafah seperti yang ditunjukkan oleh beberapa papan tanda.

Jangan terlalu fokus merekod gambar atau video sehingga mengabaikan doa-doa dan berzikir.

Jangan berhenti membasahkan bibir dengan Talbiyah sepanjang bergerak: Elakkan memberi perhatian kepada cakap-cakap kosong.

Jangan terlalu memenatkan diri memanjat Jabal al-Rahmah (Gunung Rahmat): Seluruh tempat Arafah merupakan tempat untuk berdiri dan tiada tempat tertentu yang diturunkan rahmat atau pahala melebihi yang lain.

Pastikan anda setiasa minum air yang mencukupi, elakkan terdedah kepada matahari, dengan berada di kawasan khemah.

Jangan meninggalkan tempat sebelum matahari terbenam: Anda mesti kekal di Arafah sehingga matahari terbenam untuk mengikuti Sunnah.



Berpuasa pada hari Arafah: Para Jemaah Haji digalakkan untuk tidak berpuasa bagi memastikan anda mempunyai tenaga yang cukup untuk beribadah.

Jemaah Haji perlulah mematuhi perancangan kumpulan, bekerjasama dan elak daripada menolak dan bersesak di antara satu sama lain.

Bermalam di Muzdalifah dan mengutip batu

Malam 10 Zulhijah

Bagaimana?

- ▶ Solat Maghrib dan Isyak secara jamak takhir di Muzdalifah.
- ▶ Mengumpul **7** biji batu untuk melontar Jamrah Aqabah.
- ▶ Tempoh bermalam di Muzdalifah cukup sekadar bermalam sementara.
- ▶ Namun, lebih baik anda mengikuti Mufti dan ketua yang memimpin kumpulan anda untuk waktu yang sebenar.

Kesalahan ketika Bermalam di Muzdalifah:

Melambatkan solat Maghrib dan Isyak sehingga terlalu lama. Solat harus dilaksanakan di Muzdalifah sebelum waktu Isyak tamat.

Mempercayai bahawa batu hanya boleh dikutip di Muzdalifah. Batu boleh dikutip di mana-mana sahaja tempat yang sesuai.

Jangan lupa mematuhi pelan kumpulan.



Hari Korban (10 Zulhijah)

Pagi Hari Raya Aidiladha (10 Zulhijah)

Bagaimana?

- ▶ Melontar Jamrah Aqabah, menggunakan 7 biji batu sambal bertakbir pada setiap balingan.
- ▶ Mengorbankan haiwan korban (untuk Jemaah Haji Tamattuk dan Qiran)
- ▶ Bercukur atau memendekkan rambut: Bercukur untuk jemaah lelaki manakala memotong beberapa helai rambut untuk jemaah wanita.
- ▶ Namun, lebih baik anda mengikuti Mufti dan ketua yang memimpin kumpulan anda untuk waktu yang sebenar.

Peringkat pertama ketika keluar Ihram (Tahallul):

Jemaah Haji kini boleh menanggalkan pakaian Ihram, semua larangan kini sudah terlerai kecuali melakukan hubungan intim suami isteri.

Bergerak ke Makkah untuk melaksanakan Tawaf Ifadah dan Saie.

Kesilapan ketika melontar Jamrah:

Membasuh batu sebelum melontar:
Tidak disebutkan di dalam hadis Rasulullah.

Memilih batu yang tidak sesuai:
Batu haruslah bersaiz sederhana.

Melontar sebelum Zawal (tengah hari):
Lontaran perlu dilakukan selepas Zawal.

Berkeras mahu melontar di waktu awal selepas Zawal:
Ini akan menyebabkan kesesakan dan membahayakan Jemaah yang lain.



Kesalahan ketika Bercukur dan Memendekkan Rambut

Keluar Ihram (Tahallul) sebelum bercukur/memendekkan:

Keluar Ihram dengan melakukan dua daripada tiga perlakuan: Melontar, Bercukur/Memendekkan, dan Tawaf Ifadah (bersama Saie untuk jemaah yang perlu melakukannya)

Berkeras mahu melontar di waktu awal selepas Zawal: Ini akan menyebabkan kesesakan dan membahayakan Jemaah yang lain.



Bagaimana untuk kembali ke khemah anda?

1 Sudahkah anda selesai melontar jamrah?




2 Papan tanda keluar akan menunjukkan nombor zon.



4 Apabila tiba di zon tersebut, papan tanda akan menunjukkan arah dan nombor khemah.



3 Selepas keluar dari kompleks jamrah, ikut papan panduan ke zon tempat penginapan anda.




6 Anda telah sampai!

5 Ikuti tanda berbentuk segitiga di dalam kawasan khemah.





- Khemah Bertaraf Tinggi
- Jemaah Haji Asia Tenggara
- Jemaah Haji Domestik
- Jemaah Haji Negara Arab
- Jemaah Haji Asia Selatan
- Jemaah Haji Afrika Bukan Arab



- Jemaah Haji Turki & Muslim Eropah
- Jemaah Haji Iran
- Jemaah Haji Eropah Barat

Hari-hari Tasyrik (11,12,13 Zulhijah)

Melontar di ketiga-tiga Jamrah setiap hari selepas Zawal:

- ▶ Yang terkecil (As-Sughra) 7 biji batu.
- ▶ Yang tengah (Al-Wusta) 7 biji batu.
- ▶ Yang terbesar (Al-Kubra atau Al-Aqabah) 7 biji batu.
- ▶ Wajib mengikut turutan tiang bersama Takbir pada setiap lontaran.



Bermalam pada 11 dan 12 Zulhijah di Mina:

(Mereka yang perlu bergegas boleh bergerak sebelum matahari tergelincir pada 12 Zulhijah)

Buat jemaah yang menetap sehingga 13 Zulhijah:

- ▶ Melontar Jamrah dengan mengikut turutan kemudian meninggalkan Mina.
- ▶ Jangan lupa merujuk Mufti atau ketua anda berkenaan bermalam dan rukun Haji yang lain.



Tawaf Selamat Tinggal (Tawaf Wada) Sebelum Meninggalkan Makkah Bagaimana?

- ▶ Tawaf mengelilingi Kaabah sebanyak 7 kali tanpa Saie.
- ▶ Berdoa, kemudian meninggalkan Masjidilharam.
Ini adalah rukun Haji yang terakhir.
- ▶ Tidak wajib buat Jemaah haji wanita yang sedang haid atau nifas.
- ▶ Tidak wajib buat Jemaah haji wanita yang sedang haid atau nifas.

Hadis daripada Ibn ‘Abbas RA:

“Manusia diarahkan (oleh Nabi SAW) untuk melakukan tawaf wada’ kecuali keringanan diberikan kepada wanita yang haid (dari melakukannya).” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim) Sila rujuk kepada laman rasmi Kerajaan berkenaan panduan yang lebih mendalam tentang ibdah Haji.




Mutawif digital:
oa dan pengiraan bulatan
dalam format teks dan audio.

Panduan Keselamatan ketika Bersesak



Pastikan Izar dipakai dengan kemas sebelum Tawaf



Jika anda bergerak secara berkumpulan, sila putus tempat perjanjian selepas habis Tawaf.



Jangan bergerak dalam kumpulan secara berpegangan tangan kerana akan mengganggu pergerakan Tawaf jemaah Haji yang lain.



Elak membawa beg yang berat berjalan jarak jauh untuk mengelak risiko kecederaan dan kekejangan otot.



Pilih tingkat yang tidak terlalu ramai. Jika letih, sila gunakan kenderaan golf elektrik yang dihaskan untuk Tawaf dan Saie.

Menggunakan khidmat pengangkutan seperti kenderaan golf elektrik seperti Rasulullah yang bertawaf sambil menunggang dan berjalan.



Jika perlu dan tiada pilihan lain untuk kanak-kanak:
Gunakan gelang tangan untuk tuliskan nama kanak-kanak dan nombor telefon.

Gunakan isyarat amaran tangan yang jelas.



Sentiasa menegakkan kepala supaya anda mendapat pengudaraan yang mencukupi.



Kepentingan Mengikuti Garis Panduan Kesihatan

Ketikan beribadah, terutama pada waktu puncak dan panas berbahang

Usaha Mengelakkan Risiko Kecederaan dan Tekanan:



Penghidratan Berterusan: Minum secukupnya terutama sewaktu cuaca panas untuk mengelak dinyahhidrasi.



Elak Terdedah pada Matahari Secara Langsung: Gunakan payung dan seboleh mungkin jangan berada di bawah cahaya mentari secara langsung terutama pada waktu tengah hari untuk mengelak risiko strok haba.



**Nutrisi yang Secukupnya:**

Makan makanan yang seimbang dan sehat.

Elak makan makanan yang telah terdedah atau meragukan untuk mengelak keracunan makan.

Rehat Berkala:

Berehat sementara di antara setiap ibadah untuk mengelakkan jemaah terlalu penat dan menjaga kesihatan jemaah.

Elak daripada berkaki ayam:

Melindungi kaki daripada luka dan jangkitan, dinasihatkan untuk tidak berjalan tanpa memakai kasut.



Pencegahan Penyakit Berjangkit

Menjaga Kebersihan Diri:

Sentiasa membasuh tangan menggunakan air dan sabun terutama sebelum makan dan selepas menggunakan bilik air.

Elak daripada Berkongsi Barang Peribadi:

Sila elak daripada menggunakan barang jemaah lain seperti tuala atau alatan makanan untuk mengurangkan penyebaran jangkitan.

Jarakkan diri daripada Individu yang Tidak Sihat:

Elakkan bersentuhan dengan jemaah yang mempunyai simptom dan sila memakai topeng muka ketika di kawasan yang bersebak.



Prosedur Melawat Raudah Rasulullah SAW

Permit diperlukan untuk memasuki Raudah.

Permit boleh didapatkan dari “Nusuk”, aplikasi rasmi yang mengeluarkan permit untuk Umrah, Tawaf dan memasuki Raudah.

Pendaftaran Aplikasi:

Jemaah yang hadir dari luar Arab Saudi perlu mendaftar di aplikasi Nusuk untuk mendapatkan permit tertentu.

Ikuti Arahan: Selepas dapat permit, sila patuh akan arahan yang ditetapkan. Contohnya waktu dan tarikh yang sudah ditentukan untuk melawat Raudah. Ini untuk memastikan lawatan yang teratur dan mengelakkan kesesakan.

Hubungi ketua kumpulan anda untuk memastikan pengurusan syarikat tentang tempahan sesi lawatan ke Raudah. Ini penting.

Hadis daripada Ibn ‘Abbas RA:


Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya. [Surah Al-Hujuraat, Ayat 2]



Madinah Al-Munawwarah

Di sinilah Baginda dilahirkan dan permulaan sebuah perjalanan.





Bukit Uhud:


Salah satu bukit yang terkenal. Merupakan bekas tempat peperangan Uhud, peristiwa bersejarah yang direkod di dalam sirah Rasulullah SAW. Berdekatan bukit tersebut terdapat tempat semadinya para Syuhada Uhud. Diketuai Hamzah RA.

Jalan Quba' (Jaddat Quba)

Jalan yang menghubungkan Masjid Nabawi (Pintu 5) dan terus ke Masjid Quba'. Di kiri dan kanan jalan ini dibina deretan kedai yang mengikut seni bina Arab terdahulu. Merupakan salah satu tempat kegemaran para Jemaah.

Masjid Parit (al-Khandaq)

Beberapa masjid yang dibina sekitar tempat peperangan Khandaq di mana tempat para Sahabat berlindung dari kepungan dan yang paling terkenal merupakan Masjid Al-Fath di mana Rasulullah SAW tinggal.

A photograph of an exhibition space. In the foreground, an open book with Arabic calligraphy is displayed on a table. Behind it, another open book is visible under a desk lamp. The background features a wall with large, illuminated Arabic calligraphy. The scene is well-lit, highlighting the intricate details of the books and the architectural elements.

Pameran Kitab Suci Al-Quran:

Pameran pendidikan dan teknikal menekankan sejarah Kitab Suci, cara pencetakan dan penerbitan, mempunyai Salinan Kitab Suci yang istimewa dan memamerkan ayat-ayat dalam pelbagai Bahasa.

A wide-angle photograph of the Masjid Quba in Madinah. The mosque is a large, white building with several prominent minarets and a central dome. The sky is clear and blue. In the foreground, there is a large, open area of reddish-brown earth with many pigeons scattered across it. Some palm trees and other vegetation are visible on the left side of the frame.

Masjid Quba:

Masjid pertama orang Islam, dibina oleh Rasulullah SAW setiba sahaja Baginda ke Madinah. Disarankan untuk melawat dan bersolat di sini.



Pameran Nama- Nama Allah Asmaul Husna:

Pameran interaktif yang terletak bersebelah Masjid Nabawi. Mempamerkan nama-nama Allah secara saintifik dan artistik dengan visual dan pencerahan secara audio untuk memudahkan pemahaman makna-makna Asmaul Husna.



Masjid Al-Jummah:

Berdekatan dengan Masjid Quba, di mana Baginda Rasulullah SAW melakukan solat Jumaat yang pertama di Madinah.

Muzium As-Safiyyah:

Muzium bersejarah yang terletak di kebun tradisional, menonjolkan cara hidup Madinah terdahulu melalui binaan rumah tempatan dan artifak pertanian.



Muzium Madinah (Stesen kereta Api Hijaz):

Bertempat di tempat bersejarah Stesen Kereta Api Hijaz. Mempamerkan artifak dan dokumen yang menceritakan sejarah stesen tersebut dan impak yang dibawa apabila ia bersambung dengan Empayar Uthmaniyah.



Muzium Dar Al Madinah:

Muzium persendirian yang ditubuh oleh jurutera Abdulaziz Al-Kaaki, merekodkan sejarah Madinah bermula dari era Rasulullah SAW sehinggalah era moden melalui model, peta dan gambar yang mengilustrasikan perkembangan komuniti.



Festival Antarabangsa dan Museum Sirah Rasulullah serta Tamadun Islam:

Antara pameran terbesar yang khas mengisahkan sirah Rasulullah SAW, menunjukkan kisah hidup Rasulullah SAW secara interaktif. Menekankan tamadun hidup Islam menggunakan cara moden lagi berkesan.

Pameran Moden, Tempat Bersejarah dan Muzium di Makkah Al-Mukarramah



Muzium Makkah untuk Arkeologi dan Warisan:

Menunjukkan sejarah Makkah dari zaman purba sehingga kini.

Muzium Haramain:

Mempamerkan perkembangan dua masjid agung tersebut sepanjang zaman. Mempunyai bukti bersejarah seperti pintu, dokumen dan alatan yang digunakan sewaktu membina Masjidilharam dan Masjid Nabawi.

Masjid Al-Bay'ah Al-Sharifah:


Terletak berdekatan Mina dan dibina di antara dua tempat bersejarah iaitu tempat di mana para Ansar berikrar setia kepada Baginda Rasulullah SAW.

Muzium Menara Jam Makkah:

Berada di tingkat teratas Menara Jam, mempamerkan artifak berkait sejarah astronomi, alatan prmbacaan masa dan waktu solat (Mawaqit).

**Pameran Kiswah Kaabah:**

Mempamerkan cara produksi Kiswah Kaabah, dari mereka, memintal benang, dan sulaman tangan menggunakan benang emas.

**Muzium Warisan Makkah:**

Pakaian, perabot, alat dapur dan alatan tradisi yang menonjolkan aspek keunikan dalam kehidupan sosial Makkah.

Meninggalkan Arab Saudi



ZAMZAM WATER

CASHIERS



بئجر العينة
0.5 ريال
1 GALLON PER 0.50 SAR
8.5



Mengemas bagasi dan bergerak meninggalkan tempat penginapan



Periksa waktu bergerak keluar dari tempat penginapan.

Periksa waktu penerbangan.

Anda perlu berada di lapangan terbang 4 jam sebelum penerbangan.

Jangan mengambil barang-barang yang ada di dalam bilik kerana ia adalah hak milik tempat penginapan.



Jangan letak botol air Zamzam di dalam bagasi kabin, anda akan diminta untuk membuka beg dan mengeluarkan air tersebut sewaktu pemeriksaan.

Pastikan tiada 'power bank' di dalam bagasi kabin.

Bergerak ke lapangan terbang

Mematuhi jadual waktu bas dan tempat berkumpul yang diberitahu kepada kumpulan.

Jangan bersesak di hadapan bas, semua jemaah akan bergerak pada waktu yang ditetapkan



Air Zamzam

Membawa air zamzam atau apa jenis cairan di dalam bagasi kabin selain yang dihaskan untuk pengeposan adalah dilarang.

Tempat penjualan air Zamzam khas untuk kargo udara di lapangan terbang Jeddah dan Madinah.



■ Amaran:

Menetap di Arab Saudi selepas tarikh tamat tempoh visa adalah dilarang.

Anda boleh didenda jika sengaja melanggar peraturan yang ditetapkan.

Pastikan anda berlepas sebelum tamat tempoh visa seperti yang tertera pada pakej program anda.

Sila pastikan dengan teliti waktu berlepas anda.

Pemeriksaan Kesihatan Selepas Kembali

Jika anda menerima rawatan atau mengalami isu kesihatan: Secepat yang mungkin berjumpa dengan doktor yang merawat anda di Malaysia.

Berterima kasih kepada mereka yang membantu

Mengucapkan terima kasih kepada mereka yang menolong. Contohnya, anggota Tabung Haji.

Senarai Semak Persediaan Berlepas

Mengemas bagasi sehari sebelum hari belepas.

Memeriksa almari dan laci untuk memastikan tiada barangan yang tertinggal

Pastikan tiada barang yang diambil dari bilik penginapan kerana ia adalah hak milik tempat penginapan

Jangan letak air Zamzam di dalam bagasi ka-bin untuk mengelakkan mengambil masa yang terlalu lama kerana pemeriksaan

Patuhi jadual waktu bas dan tempat berkumpul seperti yang diberitahu

Tuliskan nama dan nombor telefon pada bekas air Zamzam menggunakan warna atau penanda yang mudah dikenali

Beli air Zamzam yang dikhaskan untuk kargo udara dari tempat penjualan yang sah

Apabila anda mengucapkan selamat tinggal pada tanah yang barakah ini.

Ingatlah bahawa komitmen dan persiapan yang terbaik adalah pasport anda untuk kepulangan yang lancar.

Kami berterima kasih kerana mematuhi setiap peraturan dan arahan ketika penginapan dan sewaktu melakukan ibadah Haji. Kami mendoakan agar anda pulang ke tanah air dalam keadaan diberkati dan dilindungi.

Semoga Allah menerima ibadah mu, wahai jemaah Haji.



Selamat kembali ke tanah air.
Semoga menjadi ziarah yang mabrur dan
memberi inspirasi kepada orang lain.



A large, vertically oriented rounded rectangle with a thin black border. Inside the rectangle, there are 25 horizontal lines spaced evenly, providing a template for writing. The lines are thin and light gray, and the corners of the rectangle are smoothly rounded.



أوقاف

الهيئة العامة للأوقاف
GENERAL AUTHORITY FOR AWQAF



مركز توعية ضيوف الرحمن
Pilgrims Awareness Center